

# →MUKA DUA



(Foto: FARIZUL HAFIZ AWANG/BH)

Najib bersama Idris (dua dari kanan) menyaksikan penyerahan replika cek daripada Ketua Pegawai Syarikat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) Holdings Berhad, Mohd Noorul Olik (dua dari kiri) kepada Daim Nasir (kanan) pada majlis pelancaran pembinaan masjid UMP dan majlis rakan sayaw di UMP kampus Pekan, semalam.

## UMP diminta tumpu teknologi kereta api

• PM mahu universiti sediakan modul Program Latihan Kemahiran Industri ECRL

Fakta  
nomor

**RM55  
BILION**

Kos projek ECRL, laluan dari Terminal Pengangkutan Bersepadu Gombak, berakhirlah di Wakaf Bharu, Kelantan

Oleh Abdul Razak Raaff dan Amin Ridzuan Ishak  
[bhnews.bh.com.my](http://bhnews.bh.com.my)

### ► Pekan

D atuk Seri Najib Razak mahu Universiti Malaysia Pahang (UMP) memberi tumpuan kepada teknologi kereta api bagi menyokong projek mega Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang bakal dilancarkan September ini.

Perdana Menteri berkata, ia juga Petunjuk Prestasi Utama (KPI) baharu perlu dicapai universiti teknikal berumur 15 tahun itu selepas mencatatkan banyak kejayaan dalam penyelidikan serta pembangunan (R&D) program berteraskan automotif.

“Kita mahu projek besar-besaran dan ikonik seperti ECRL mendapat soko-

ngan seluruh rakyat Malaysia, termasuk berkaitan kemahiran perbiahan dan penyelenggaraan rel dan kereta api.

“Jadi, kita mahu UMP menyediakan modul Program Latihan Kemahiran Industri ECRL khusus berkaitan teknologi kereta api. Program ini akan mengambil masa empat bulan dan kumpulan pertama pelatih sebanyak 300 orang.

### Kursus jangka panjang

“Bagi kursus jangka panjang termasuk peringkat diploma dan seterusnya, kita minati UPM perkembangkan pada masa akan datang,” katanya pada majlis pelancaran pembinaan Masjid UMP di kampus utama universiti itu, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Ketua Setiausaha Kementerian itu,

Tan Sri Noorul Anuar Mohd Nur; Pengurus Lembaga Pengarah UMP; Datuk Seri Mohd Hilmy Mohd Taib dan Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daim Nasir Ibrahim.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata, UMP bertanggungjawab membangunkan modul program latihan kemahiran itu membabitkan silibus, latihan profesional, latihan industri serta kemudahan R&D.

Perdana Menteri kemudian ke majlis berasming di Universiti Automotif DRB-Hicom dan meluangkan masa lebih sejam merakam sambutan Aidilfitri bersama hampir 2,000 ibu tunggal dari seluruh negara.

Pada malam anjuran Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia (PITKM) itu, bellau yang juga Penanung PITKM, turut menyampaikan sumbangan kepada 20 ibu tunggal.